PERUBATAN ISLAM BERSAMA PROF. DR HARON DIN

Doa penawar bisa santau

Santau seperti yang pernah saya katakan dalam perbincangan yang terdahulu sememangnya sering dikaitkan dengan fenomena penggunaan bahan bahan beracun seperti kaca, miang buluh dan hempedu katak hutan yang diadunkan dengan mentera dan jampi serapah.

Santau juga mempunyai kaitan dengan sihir yang menggunakan perantaraan makhluk halus yang bertujuan melaksanakan niat jahat untuk menyeksa seseorang.

Secara ringkas, santau sama ada dengan menggunakan angin atau miang buluh dianggap oleh masyarakat Melayu kuno dan moden sebagai sebahagian daripada fenomena penyakit ghaib yang menggunakan pendekatan halus bertujuan untuk menyeksa mereka yang ditujukan serangannya.

Dalam pengubatan Islam memang terdapat kaedah untuk menyembuhkan bisa santau dengan menggunakan ayat ayat Al-Quran, selawat dan berdoa ke hadrat Allah. Doa amat penting untuk memohon ke hadrat supaya menawakan bisa santau. **Doa juga amat penting untuk meminta rahmat Allah agar menyembuhkan penyakit yang diizinkan berlaku ke atas manusia.**

Rawatan mengatasi serangan santau mengikut pendekatan Islam ialah dengan menggunakan air dan doa, lebih lebih lagi kalau pesakit sudah berada pada tahap parah. Bagaimanapun, kaedah ini juga boleh diamalkan sekiranya pesakit gagal pulih sepenuhnya setelah mendapatkan rawatan di klinik. Melalui doa, air digunakan sebagai bahan asas dengan adunan doa seperti yang diamalkan oleh Rasulullah dan sahabat sahabatnya.

Rawatan bermula dengan membaca al-Fatihah dan hendaklah berhenti lebih lama di setiap ayat yang kelima untuk berdoa kepada Allah supaya menyembuhkan penyakit. Selepas berdoa pada ayat ke lima hendaklah disambungkan bacaan sehingga selesai pada ayat keenam dan ketujuh.

Ayat kelima bermaksud: “Akan Dikaulah kami sembuh dan akan Dikailah juga kami mohon perlindungan”

Selepas itu kita mohon kepadaNya supaya memberikan kesembuhan kepada penyakit yang dideritai.

Fathiatul Kitab (Fatihah) adalah amalan berdasarkan kepada riwayat hadis yang bermaksud: “Fathiatul Kitab adalah penyembuh kepada semua penyakit bisa bisa atau racun racun.”

Ada juga para sahabat yang mengamalkan bacaan al-Fatihah untuk membuang rasa bisa bisa dalam badan. Malah ada diantaranya membacakan surah tersebut dan menggunakan air untuk menghapuskan bisa sengatan binatang berbisa seperti kala jengking.

Dalam kes pengubatan santau selain al-Fatihah, dan air ditambah pula dengan bacaan Bismillah Tujuh.

Ayat ayat itu dibacakan pada air dan badan pesakit kemudian diberi minum dan ditepuk dadanya bertujuan menggeluarkan bisa bisa dan bahan bahan makanan yang mengandungi santau tadi.

Proses mengeluarkan bahan bahan makanan yang bercampur santau amat penting bagi mengurangkan kesan bisa santau ke atas tubuh pesakit. Biasanya,pesakit perlu bersabar kerana rawatan mengubati serangan santau memakan masa – bukan mudah untuk mengeluarkan santau apabila bahan bahan tadi sudah meresapi paru paru dan saluran nafas. Rawatan perlu teliti kerana pada tahap ini bahan bahan santau akan menggangu saluran pernafsan dan halkum biasanya mengalami kesakitan atau kerosakan.

Bagaimanapun setelah ditepuk, bahan bahan santau yag melekat pada halkum akan berkurangan dan serangan batuk bertubi tubi yang selama ini dideritai oleh pesakit akan mula berkurangan. Suhu badan pesakit juga akan beransur pulih dan rasa seram sejuk mulai surut. Tidir mereka mula nyenyak dan selera makan juga mulai bertambah

Penawar bisa

Masalah bisa bisa memang sering berlaku dalam kehidupan seharian walau puncanya bukan semata mata kerana santau. Masalah ini mungkin berlaku kerana kesan gigitan binatang berbisa seperki kala jengking, tebuan, lebah atau ular. Adakalanya punca berlakunya bisa bisa tidak diketahui dan sakitnya datang secara tiba tiba. Penyakit ini boleh dirawa di klinik atau hospital tetapi sekiranya berlaku ketika berada didalam hutan atau di lautan, kita perlukan kaedah lain untuk mengubatinya.

Sebagai ikhtiar untuk menyembuhkannya, ada cara yang amat berkesan dan kadang kadang kesannya amat menakjubkan dan boleh pulih dalam waktu yang singkat. Rawatan tersebut menggunakan bacaan dan air diperlukan sebagai perantaraan ubat.

Kaedah ini bermula denan membacakan al-Fatihah sebanyak tujuh kali. Kemudian air dibacakan selawat sebanyak selawat sebanyak tujuh kali juga dalam satu nafas lalu ditiupkan pada air dan tempat terkena sengatan berbisa.

Sebai baik selawat ialah selawat Syifa' tetapi boleh juga dibcakan selawat biasa seperti dalam bacaan tahyat. Kalau kurang berkesan jangan mudah merasa hampa kerana cara berikutnya ialah menyuruh orang lain yang mungkin selalau mengamalkan bacaan tersebut.

Semakin tinggi keyakinan dan amalan seseorang dengan bacaan tersebut maka semakin berkesan rawatannya.

Sekiranya bisa tersebut masih dirasakan eloklah pula diamalkan kaedah menyembuhkan serangan racun iaitu dengan membaca Bismillah Tujuh dan mengulanginya beberapa kali.

Insya-Allah biasanya kaedah ini akan menyembuhkan bisa tetapi kalau masih gagal, eloklah dengan bacaan Al-Quraan surah al-Israq ayat 18.

Soalan:

Saya menghidapi penyakit gout 11 tahun dan telah berubat secara moden dan tradisional tetapi hingga sekarang masih juga tidak sembuh malah kadang kadang saya langsung tidak dapat berjalan. Adakah cara lain untuk mengubatinya?- *SHAH REZA, Kelantan*

Jawapan:
GOUT adalah penyakit yang sering dikaitkan dengan ungkapan 'tiada ubat untuk merawatnya'. Namun sebagai tabiat sejenis penyakit sudah tentu Allah menurunkan penawarnya.

Cuma sehingga hari ini barangkali manusia belum menemui cara dan ubatan yag benar benar mujarab untuk mengawal serangan dan mengatasi puncanya.

Bagaimanapun daripada pengalaman dan pengamatan saya, sudah begitu banyak pesakit gout yang dapat dipulihkan, setidak tidaknya masih ada ubat untuk mengurangkan atau menyembuhkan penyakit itu.

Salah satu caranya ialah dengan menggunakan bahan bahan asli seperti buah limau nipis yang sudah masak, kapur sirih yang dibuat daripada kulit kerang, madu lebah asli dan kain pembalut (bandage).

Bahan bahan tersebut sebelum digunakan hendaklah didoakan terlebih dahulu dengan bacaan:

1. Al-Fatuhah
2. Selawat Syifa' atau selawat Tahyat
3. Empat ayat terakhir surah al-Hasyr

Kapur dan air limau dibancuh setelah didoaan kemudian di sapu pada kawasan bengkak yang dikaitkan dengan gout.

Kemudian di atas sapuan kapur dan air limau itu disapu pula madu lebah asli.

Bahan bahan ini akan panaskan kawasan yang terkena serangan gout untuk memulihkan kembali pergerakan bahagian bahagian itu.

Setelah sapuan itu selesai hendaklah dibalut dengan bandage selama seharian atau semalaman. (Jika disapu waktu pagibukalah balutan pada waktu petang dan sekiranya dibalut pada waktu malam bukalah kain itu pada waktu pagi esoknya)

Selain itu berdoa dan bermunajatlah kepada Allah.

Perhatian:
Semakin tinggi keyakinan dan amalan seseorang dengan bacaan tersebut (al-Quran) maka semakin berkesan rawatannya.

***Artikel Asal** : Mingguan Malaysia Ahad, 19hb Mac 1995*